

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(37)

Tarikh : 16 November 2021

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN BERKENAAN PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA

Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera telah kembali beroperasi sejak 9 November 2021 setelah mengalami gangguan sementara pada 7 November 2021 jam 1.50 petang dan pada 8 November 2021 jam 11.30 pagi.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) ingin menegaskan bahawa keselamatan perkhidmatan funikular adalah keutamaan PBBPP. Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera telah beroperasi secara berterusan sejak beberapa minggu lalu dengan membawa kapasiti yang minimum semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020 dan 2021.

PBBPP ingin menekankan bahawa perkhidmatan funikular sentiasa beroperasi di bawah kapasiti maksimum 100 orang bagi setiap perjalanan walaupun Prosedur Operasi Standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara membenarkan kapasiti penuh untuk pengangkutan awam. Perkhidmatan funikular telah beberapa kali mengalami gangguan pada 7 November 2021 kerana isyarat yang dicituskan oleh sistem pemantauan kabel untuk memastikan kedudukan kabel berada di tempat yang sepatutnya. Dalam kes ini, pelapik penebat di dalam gelung kabel telah haus dan nipis menyebabkan kabel menyentuh gelung tersebut dan mencetuskan amaran kecemasan. Sistem pengawasan kabel juga memaparkan isyarat terputus-putus. PBBPP telah menjalankan siasatan dan memberi jaminan bahawa semua mekanisme keselamatan berada dalam keadaan yang selamat. Gangguan tersebut bukan disebabkan oleh muatan yang berlebihan pada kapasiti funikular mahupun ketidakselarasan pada kabel funikular.

PBBPP memandang serius isu keselamatan. Apabila penggera dicituskan, PBBPP menghentikan perkhidmatan funikular bagi memantau isu yang berlaku. PBBPP segera membawa para pengunjung kembali ke Stesen Bawah melalui funikular dan perkhidmatan jip dari Stesen Atas bagi membolehkan pemeriksaan menyeluruh dijalankan terhadap sebarang kemungkinan kerosakan dan kerja-kerja pembaikan ke atas sebarang kerosakkan yang berlaku dengan kadar segera. Ia mengambil tempoh masa beberapa jam untuk mengenal pasti punca diikuti dengan kerja-kerja pembaikan. PBBPP menjalankan ujian penuh ke atas sistem funikular bagi memastikan keselamatan sistem sebelum menyambung operasi funikular seperti biasa. Terdapat bahagian dan penyelenggaraan sistem funikular yang agak kompleks serta memerlukan kepakaran oleh pihak pengeluar.

Penyelenggaraan Funikular Dwi Tahunan yang memerlukan perkhidmatan jurutera pihak pengeluar, Garaventa AG Switzerland telah ditangguhkan sejak penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 akibat sekatan perjalanan antarabangsa. PBBPP sentiasa berhubung dengan Garaventa AG mengenai isu ini serta menjadualkan penyelenggaraan komprehensif secepat mungkin.

Penyelenggaraan Funikular Dwi-Tahunan 2022 telah diawalkan oleh pihak PBBPP kepada akhir tahun 2021, iaitu pada hari Selasa dan Rabu yang akan datang selama empat (4) minggu berturut-turut bermula minggu ini seperti yang telah diumumkan sebelum ini berdasarkan jadual berikut :

Minggu	Tarikh	Hari
1	16 - 17 November 2021	Selasa dan Rabu
2	23 - 24 November 2021	
3	30 November - 1 Disember 2021	
4	7 - 8 Disember 2021	

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung diatas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Segala kesulitan yang dihadapi amatlah dikesali.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Izatul Aziah binti Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my